

Pesaka pilih 30 pesilat

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan (PESAKA) telah memilih 30 orang pesilat termasuk 10 wanita untuk menjalani latihan sebagai persiapan menghadapi Sukan SEA di Kuala Lumpur tahun depan, kata Setiausaha Agungnya, Abdul Rahman Hassan.

Beliau berkata, mereka dipilih berdasarkan pencapaian pada Kejohanan Silat Kebangsaan Ke-4 yang diadakan di Port Dickson pada September lepas. Cuma 15 orang daripada mereka akan mewakili negara dalam silat olahraga. **B. Harlan (M)**

Mereka akan menjalani lima fasa latihan yang bertujuan untuk memantapkan kebolehan daripada segi teknik dan taktik, katanya kepada di Melaka semalam.

Beliau berkata, Pesaka juga telah mengenalpasti tujuh pusat cemerlang iaitu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kelantan dan Terengganu bagi memudahkan setiap pelatih menjalani latihan di negeri masing-masing.

Majlis Sukan Negara (MSN) juga telah membantu Pesaka dalam melengkapkan peralatan bagi kegunaan pesilat-pesilat dalam menjalani latihan mereka, tambahnya. — Bernama.

18 NOV 1988

Pesaka perlu menilai semula

B. Minggu (M)

20 NOV 1988

Oleh MOHD RADZI WAHAB

SUKAN MALAYSIA yang berakhir semalam menyaksikan negara mempunyai ramai pesilat muda yang berbakat untuk diketengahkan bagi membawa cabaran negara ke kejohanan antarabangsa.

Pertandingan tiga hari itu juga turut menyaksikan Selangor menjadi juara baru bagi acara yang kali pertama disenaraikan dalam temasya sukan terbesar negara ini.

Pada kejohanan yang diadakan di Stadium Negara itu, Selangor memenangi empat daripada 12 pingat emas yang dipertandingkan. Ia juga memenangi satu perak dan empat gangsa.

Johor yang menetapkan lima pingat emas sebagai matlamatnya, terpaksa berpuas hati di tempat kedua dengan memenangi tiga pingat emas melalui lima pesilatnya yang layak ke perlawanan akhir. Mereka juga memenangi dua perak dan dua gangsa.

Negeri Sembilan menduduki tempat ketiga di segi pungutan pingat.

Sementara itu, sungguhpun badan induk sukan itu, Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) belum mengumumkan senarai nama 30 pelatih yang dipilih untuk menjalani latihan pusat Sukan SEA tahun depan, kemunculan beberapa 'muka baru' di kejohanan Sukma itu patut diberi perhatian, terutama mereka yang memenangi pingat emas.

Pesilat-pesilat seperti Hamdan Saat dan Mohsin Musa (Johor) dan Mohd Izan Ismail (Selangor) bagi bahagian lelaki dan Kalsom Jamangin (Negeri Sembilan) bagi acara wanita patut diketengahkan untuk pendedahan kerana mereka berpotensi untuk menjadi pesilat berbakat bagi membantu negara merangkul pingat emas.

Kedudukan pingat silat:

| | Emas | Perak | Gangsa |
|---------------|------|-------|--------|
| Selangor | 4 | 1 | 4 |
| Johor | 3 | 2 | 2 |
| N Sembilan | 2 | 1 | 2 |
| PDRM | 1 | 1 | 1 |
| Kelantan | 1 | 0 | 6 |
| Terengganu | 1 | 0 | 0 |
| Melaka | 0 | 3 | 0 |
| W Persekutuan | 0 | 2 | 1 |
| Perak | 0 | 1 | 2 |
| Sabah | 0 | 1 | 1 |
| Pahang | 0 | 0 | 3 |
| Perlis | 0 | 0 | 2 |